

04 APR 2001

IWK-PENDAFTARAN

IWK CARI LEBIH RAMAI KONTRAKTOR DAN PEMBEKAL

KUALA LUMPUR, 4 April (Bernama) -- Kontraktor dan pembekal yang berminat dan berkecenderungan dipelawa untuk mendaftar dengan syarikat pementukan nasional, Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) bagi membantu mempercepatkan kerja-kerja pembinaan prasarana baru serta program membaik pulihnya.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini, IWK berkata, sebagai prasyarat, kontraktor-kontraktor berkenaan mestilah berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

Pembekal pula perlulah terlebih dahulu berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kategori berkaitan.

IWK berkata, sejak operasinya diambil alih oleh kerajaan, syarikat itu telah mengeluarkan tender bagi 23 projek bernilai lebih RM 12 juta, dalam tempoh enam bulan lalu.

Semalam (3 April), Perdana Menteri Datuk Seri Dr Datuk Mahathir Mohamad telah mengumumkan bahawa, di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3), penyediaan kemudahan-kemudahan pementukan moden akan dipercepatkan "bagi mengurangkan pencemaran air dan untuk memelihara alam sekitar".

Pengumuman itu menambah kata bahawa berikutan kekuatan barunya dan bantuan kewangan yang kukuh, IWK akan membaik pulih lebih 4,000 loji rawatan kumbahan (STP) dan stesen pam di seluruh negara dalam tiga tahun akan datang.

Selain itu, ia akan membina STP baru, rangkaian paip pementung, stesen pam serta menaikkan taraf loji-loji sedia ada.

Maklumat lanjut dan borang pendaftaran boleh didapati daripada semua pejabat IWK atau daripada laman web syarikat ([www.iwk.com.my](http://www.iwk.com.my)).

Tarikh tutup permohonan adalah pada 8 Mei 2001.

Pertanyaan boleh dibuat melalui telefon di talian 03-21636118 (Jabatan Perolehan) manakala borang pendaftaran boleh dihantar sama ada ke ibu pejabat IWK di Kuala Lumpur atau melalui e-mel kepada [register@iwk.com.my](mailto:register@iwk.com.my)

-- BERNAMA

ER SEL KY OS